

**TEKS UCAPAN PERASMIAN SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR
(HASN) 2021 PERINGKAT NEGERI PERAK
YAB DATO MENTERI BESAR NEGERI PERAK**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Bismillahirrohmanirrohim,

Terima kasih kepada Pengacara Majlis

[SALUTASI]

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana atas sifat Rahman dan Rahim-Nya jua, kita semua dikurniakan nikmat kesihatan dan kelapangan waktu untuk bersama-sama dalam Majlis Pelancaran Sambutan Hari Alam Sekitar 2021 Peringkat Negeri Perak pada petang ini.
2. Pertamanya, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Encik Mohd Akmal Bin Kamarudin, Pengerusi Jawatankuasa Induk Penganjuran Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2021 Peringkat Negeri Perak merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Perak di atas penganjuran sambutan pada hari ini.

3. Tahniah dan syabas juga saya titipkan kepada seluruh warga Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak yang mengetuai jawatankuasa penganjur. Saya memahami, bukan mudah untuk menyusun dan mengkoordinasi majlis seumpama ini, ketika kita sedang memasuki fasa baru untuk keluar daripada belenggu pandemik COVID-19.
4. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada seluruh warga Selama serta Majlis Daerah Selama kerana dipilih menjadi tuan rumah bagi sambutan kali ini. Bagi saya, pemilihan Selama selaku tuan rumah sangat tepat memandangkan daerah ini cukup terkenal dengan keindahan alam semulajadi yang bukan sahaja menjadi kebanggaan warga Selama, tetapi juga rakyat negeri Perak keseluruhannya.

Hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian,

5. Isu alam sekitar sudah menjadi satu perdebatan panjang di seluruh dunia sejak sekian lama. Dengan dunia mengalami peningkatan mendadak jumlah penduduk serta skala eksploitasi alam bagi tujuan ekonomi yang semakin melebar, agenda global untuk memperkukuhkan pelaksanaan konsep *sustainable development* atau pembangunan lestari menjadi semakin penting dan mendesak.
6. Daripada isu perubahan iklim dan kehilangan khazanah biodiversiti, sehinggalah kepada isu perubahan hidrologi dan kemusnahan alam

sekitar – semuanya membawa kepada polemik berpanjangan sehingga hari ini.

7. Pun begitu, saya mengajak kita semua untuk sama-sama menyedari betapa besarnya impak semua perubahan persekitaran global ini, terhadap kehidupan manusia pada masa hadapan, yakni melibatkan generasi anak cucu kita di kemudian hari.
8. Dalam hubungan ini, kerajaan negeri sentiasa komited untuk memastikan bahawa khazanah dan sumber alam di negeri Perak yang bertuah ini akan sentiasa dipelihara dan diusahahasilkan secara mampan demi menjamin kelangsungan hidup generasi hari ini dan akan datang.
9. Dalam ucapan *Executive Talk* dan Amanat Tahun 2021 pada Februari lalu, saya menggariskan 5 teras yang menjadi agenda penting kerajaan negeri pada tahun ini. Salah satu daripadanya ialah bagi **Meneraju Kelestarian Sumber dan Alam Sekitar** dengan menekankan pelan holistik untuk mempromosi agenda “Perak Bumi Lestari”.
10. Menerusi pelan ini, saya telah gariskan beberapa pendekatan iaitu:
 - i) Membudayakan Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar
 - ii) Membina Persekitaran Kondusif Berlandaskan Teknologi Hijau
 - iii) Memastikan Pembangunan Seimbang

- iv) Mengintegrasikan dimensi alam sekitar dalam dasar semua sektor
 - v) Memantapkan penguatkuasaan berkaitan isu-isu alam sekitar.
11. Saya tidak bercadang untuk menghuraikan semula semua pendekatan ini, namun memandangkan ia adalah salah satu agenda penting kerajaan negeri pada tahun ini, saya mengesyorkan supaya usaha dilakukan bagi menyediakan data asas mengenai sejauh mana pencapaian kita dalam pelan ini.
 12. Data asas ini boleh kita gunakan untuk membentuk beberapa 'indeks kelestarian'. Contohnya sejauh mana kejayaan kita dalam kempen penggunaan plastik sekali guna. Begitu juga dengan tahap kualiti sungai-sungai kita serta pencapaian kita melaksanakan inisiatif-inisiatif teknologi hijau. Dengan cara ini, kita dapat mengukur tahap kelestarian negeri serta mencari jalan untuk membuat langkah-langkah penambahbaikan.
 13. Sebagai strategi jangka masa panjang, kerajaan negeri dengan kerjasama *Malaysian Industry-Government Group for High Technology* (MIGHT) telah memulakan kajian selama 6 bulan *Perak Sustainable Greenprint*.
 14. Salah satu daripada objektif utama kajian ini adalah untuk menggariskan strategi dan inisiatif bagi negeri Perak ke arah negeri yang mampan dan hijau merangkumi aspek ekonomi, persekitaran dan sosial. Sebanyak 12 sektor yang dikenalpasti dalam kajian ini.

Sektor-sektor tersebut adalah Perhutanan, ICT, Tenaga, Pengurusan Sisa, Air, Pertanian, Pelancongan, Pengangkuan, Perlombongan, Pembinaan, Bangunan dan Pembuatan.

15. Bagi memperkasa dan memperkukuhkan lagi usaha memelihara alam sekitar di negeri Perak ini, kerajaan negeri menerusi Jabatan Alam Sekitar telah merangka dan akan memperkenalkan beberapa dasar yang akan dilaksanakan secara berperingkat pada masa hadapan. Antaranya ialah:

- i) Dasar Pengunaan Bahan Bakar Mesra Alam di kalangan sektor industri bagi mengurangkan pelepasan asap hitam dan pencemaran udara.
- ii) Dasar Kitar Semula Air Buangan yang dilepaskan oleh industri sarung tangan getah bagi memastikan kualiti air sungai tetap dapat ditingkatkan walaupun kerajaan negeri sedang giat mengatur pembangunan industri.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

16. Setiap daripada kita – tanpa mengira kaum dan agama, tidak kira tua atau muda, berpendidikan tinggi atau tidak, miskin atau kaya – semuanya punya peranan untuk memulihara dan melindungi alam sekitar.

17. Kita hidup dalam lingkungan alam sekitar yang sama. Bernafas dalam udara yang sama dan menggunakan sumber asli yang sama. Pembangunan dan kemajuan fizikal, sosial dan ekonomi tidak akan mendatangkan apa-apa makna sekiranya kita gagal mengekalkan alam sekitar yang bersih, selamat, sihat dan produktif.
18. Saya yakin banyak isu-isu alam sekitar akan dapat ditangani dengan berkesan melalui pendekatan meningkatkan kesedaran memulihara alam sekitar serta memberi pengiktirafan kepada pihak atau individu yang turut bersama-sama menjayakan usaha melestarikan alam sekitar.
19. Justeru, sempena sambutan Hari Alam Sekitar Peringkat Negeri pada kali ini, kerajaan negeri telah mewujudkan pengiktirafan dan penganugerahan lestari kepada beberapa sektor ekonomi dan kumpulan sasar.
20. Kepada yang berjaya, tahniah dan syabas diucapkan dan bagi yang kurang berjaya diharap tidak berputus asa dan beriktizam untuk terus melakukan penambahbaikan.
21. Diharapkan inisiatif ini dapat menyuntik kesedaran serta kefahaman khususnya warga agensi-agensi Kerajaan seperti Majlis Kerajaan Tempatan, pemain industri, generasi muda di peringkat sekolah dan NGO serta pegawai-pegawai awam dalam pemeliharaan dan pengurusan alam sekitar.

22. Mudah-mudahan, dengan komitmen semua warga, kita dapat sama-sama dalam merealisasikan gagasan Perak Bumi Lestari. Insya-Allah.
23. Dengan harapan itu, saya dengan lafaz Bismillahiramanirrahim, merasmikan sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Perak 2021.

Wabillahitaufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Taala Wabarakatuh